

12 SEP 1998

Mahathir-Zahid

ZAHID SEPATUTNYA LETAK JAWATAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Datuk Ahmad Zahid Hamidi sepatutnya berundur daripada jawatan Ketua Pemuda Pergerakan Pemuda Umno.

"Dia sepatutnya berundur tetapi dia tidak mahu berbuat demikian untuk menyalahkan mereka yang menyuruhnya meletakkan jawatan," katanya kepada pemberita selepas melawat kawasan khas untuk penaja Sukan Komanwel Ke-16 di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Beliau ditanya tentang kenyataan Zahid yang mahukan kedudukannya sebagai Ketua Pemuda ditentukan Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"Dia tahu kalau serah kepada MT, kemungkinan dia dipecat...jadi dia hendak guna itu sebagai (alasan) untuk menyalahkan MT. Strategi dia sama dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim," kata Dr Mahathir.

Kebanyakan pemimpin Pemuda Umno mahu Zahid meletakkan jawatan kerana berpihak kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept lepas dan dari Umno pada hari berikutnya kerana dikatakan terlibat dalam kegiatan tidak bermoral, rasuah dan mengkhianati negara.

Dr Mahathir berkata: "Datuk Seri Anwar sepatutnya undur diri tetapi dia hendak suruh kita pecat dia, dan bila kita pecat dia, dia kata ini adalah satu ketidakadilan."

Ketika ditanya tentang masih terdapat segelintir pemimpin Umno yang menunjukkan sokongan mereka kepada Anwar, beliau berkata ini ialah kerana mereka masih tidak percaya penjelasan yang diberikan mengenai Anwar.

Sambil menyifatkan golongan itu sebagai mereka yang menipu diri sendiri, beliau berkata kerajaan dan parti tidak akan mengambil sesuatu tindakan melainkan dengan bukti yang cukup.

"Tetapi akhirnya, mungkin apabila diadakan perbincaraan perkara-perkara akan didedahkan dan mungkin pada ketika itu mereka akan lebih percaya," katanya.

Perdana menteri berkata Umno setakat ini tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang berkenaan.

"Tapi tentulah ianya mempunyai kesan terhadap mereka ini apabila kita membuat penilaian kemudian tentang kesetiaan mereka kepada Umno," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata MT secara sebulat suara menyokong pemecatan Anwar walaupun dalam MT sendiri wujud mereka yang dikenali sebagai penyokong Anwar.

Mengenai tindakan Anwar mengambil kesempatan menggunakan masjid untuk menjelaskan kedudukannya berikutan pemecatan beliau daripada Kabinet dan parti, Dr Mahathir menjelaskan ketika berada dalam kerajaan, Anwar sendiri berkata masjid tidak harus digunakan untuk kepentingan politik.

Menurutnya jelas sekali bahawa pendirian Anwar itu bukannya atas soal prinsip tetapi atas soal peluang.

"Bila dia berada dalam kerajaan, dia hendak supaya peluang itu tidak dapat kepada orang lain...tetapi bila dia berada di luar kerajaan, dia hendakkan peluang itu. Jadi dia ni oportunis," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya tentang keputusan Anwar mengadakan "road-show" ke beberapa bandar bagi menerangkan kedudukannya di samping memulakan apa yang dipanggil gerakan reformasi.

"Kalau ada kekacauan kita akan ambil tindakan tetapi kalau ianya berjalan secara aman, kita tidak akan mengambil tindakan," katanya.

Beliau yakin bahawa gerakan reformasi yang dilaungkan Anwar itu tidak akan mendapat sokongan anggota-anggota Umno melainkan mereka yang mempunyai masalah peribadi.

-- BERNAMA

MAM WAT